



FOKUS

Oleh Ruhiza Rusmin dan Nor Hanisah Kamaruzaman
rencana@hmetro.com.my

Isu plagiarisme dalam kalangan warga institusi pengajian tinggi (IPT) bukan perkara baru kerana ia sudah lama berlaku, malah dianggap sebagai isu universal.

Ini dilihat sebagai sesuatu yang memalukan kerana bukan saja memburukkan imej dan kredibiliti graduan, malah mencatutkan nilai ilmu yang bakal dihasilkan.

Plagiarisme dilihat sebagai cara paling mudah untuk ‘melepaskan’ tanggungjawab siswa terhadap pemikiran nilai ilmu baru yang ingin diketengahkan dan dijadikan platform bagi memudahkan usaha memperoleh penarafan status.

Jika dulu sumber bagi memplagiati hasil atau karya orang lain agak sukar dilakukan kerana perlu membaca dan menyalin bahan penulisan, kini kehadiran teknologi maklumat yang ‘super’ maju menjadikan kegiatan penipuan itu makin mudah dan berleluasa dilakukan.

Dengan hanya menggunakan komputer atau telefon pintar, hasil karya orang lain boleh ‘dirompak’ dengan mudah secara salin dan tampal (copy and paste).

Ibarat barah, ia makin merebak. Lebih-lebih lagi kini muncul pihak yang menawarkan perkhidmatan memplagiati kepada siswa dengan berselindung di sebalik cuma membantu meringankan bebanan tugas.

Dekan Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM) Profesor Dr Zaid Ahmad berkata, plagiarisme bukan saja boleh menjelaskan profesionalisme mereka yang melakukannya, lebih buruk lagi boleh mencetuskan konflik jangka panjang yang mungkin menyebabkan penurunan kualiti ahli akademik atau bakal cendekiawan yang dihasilkan.

Menurutnya, jika plagiarisme tidak dibendung, ia akan melahirkan graduan berkualiti rendah sekali gus menjelaskan perkembangan ilmu baru yang seharusnya dicambah di menara gading.

“Ada yang melihat ia cuma isu kecil dengan alasan semua orang ada melakukan plagiat.

“Sebenarnya itu pemikiran dangkal kerana mereka tidak melihat kesanannya untuk jangka panjang

TIDAK salah membuat banyak rujukan asalkan meletakkan dari mana sumber itu diperoleh.
- Gambar hiasan



PLAGIAT JEJAS PROFESSIONALISME

Boleh sebabkan kualiti graduan dipersoal

termasuk dari sudut etika serta nilai percambahan ilmu.

“Bagaimana ilmu baru boleh berkembang andai plagiarisme dilakukan sewenang-wenangnya sedangkan tujuan utama mereka ke menara gading untuk memperoleh ilmu baru,” katanya.

Beliau berkata, plagiarisme sebenarnya bukan hanya berlaku dalam kalangan warga IPT semata-mata tapi disebabkan faktor mereka golongan terpelajar, ia menjadi lebih sensitif.

Dr Zaid berkata, sejak dahulu ada pelbagai versi plagiarisme, namun yang membabitkan ahli akademik paling menonjol.

“Sebenarnya aktiviti memplagiati mencakupi ahli sejarah, matematik dan pelbagai lagi bidang ilmu. Malah, bekas Presiden Amerika Syarikat Jimmy Carter yang menulis buku berjudul ‘Palestine: Peace, Not Apartheid’ juga dituduh melakukan plagiat oleh be-

kas diplomat Asia Barat Denise Ross.


“Ini kerana dalam buku itu Carter menerbitkan peta dihasilkan Ross tanpa meminta izin atau menyatakan sumber.

“Plagiarisme juga dikatakan pernah diamalkan sasterawan Arab dengan mengaku sesebuah syair itu milik mereka walhal kepuaan sasterawan terdahulu sebelum kedatangan Islam lagi.

“Ini menunjukkan plagiarisme boleh berlaku di mana-mana dan dilakukan se-siapa saja. Tentulah tak tepat jika kita merumuskan plagiat hanya berlaku di menara gading,” katanya.

Plagiat berasal daripada bahasa Inggeris yang diubah ke bahasa Melayu. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka menterjemahkan plagiat sebagai hasil mencedok karya atau tulisan orang lain yang disiarkan kembali sebagai karya sendiri.

Dr Zaid bagaimanapun




PERKEMBANGAN dunia teknologi menjadikan plagiat aktiviti sukar dibendung kerana maklumat kini makin mudah diakses. - Gambar hiasan

KUALITI seseorang siswa atau ahli akademik dinilai melalui ilmu baru yang dihasilkannya di menara gading, bukan menciplak hasil orang lain.

- Gambar hiasan



CABARAN besar untuk menyiapkan tugas dan tesis tidak boleh mengalah atau mengambil jalan mudah dengan melakukan plagiat. - Gambar hiasan



Bagi melihat sejauh mana aktiviti plagiat dalam kalangan siswa dan masyarakat, penulis membuat panggilan telefon kepada beberapa 'suspek' yang dikesan menawarkan khidmat mereka sama ada secara lisan atau media.

Seorang bekas siswazah yang hanya mahu dikenakan sebagai Ida ketika dihubungi mendakwa kegiatan itu kini sudah boleh dianggap perkara biasa dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT).

Dia mengakui beberapa kali diupah untuk membuat tesis atau jurnal terutama membabitkan siswa tahun akhir yang terdesak bagi melengkapkan syarat

Upah buat tesis RM500 hingga RM1,000

tamat pengajian.

"Bagi saya, diminta dan diupah urtuk menyiapkan tugas adalah perkara biasa walaupun tahu ia salah keraha mereka tidak melakukannya sendiri.

"Tapi saya tak kisah dan menganggap ia sebagai satu pertolongan. Lagipun, kebanyakkan pelanggan saya adalah siswa peringkat ijazah sarjana muda yang biadang topik tesis mereka tidak terlalu berat dan tidak mengambil masa terlalu lama untuk menyiapkannya," katanya.

Ida berkata, semua pe-

langannya siswa dari beberapa IPT sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

Dia mengenakan bayaran RM500 untuk menyiapkan tesis ijazah sarjana muda dan lebih RM1,000 untuk ijazah sarjana.

"Semuanya bergantung kepada faktor tertentu seperti topik, pengkhususan dan tempoh dikehendaki pelanggan. Memang mahal kerana saya juga perlu membuat penyelidikan untuk mereka."

"Bagaimanapun, saya hadkan pengambilan kerana perlu fokus untuk me-



RAMAI melakukan plagiat, namun ia menjadi isu sensitif apabila membabitkan institusi pengajian tinggi. - Gambar hiasan

Info




Pelbagai alat boleh digunakan bagi mengesan aktiviti plagiarisme. Antara-nya alat pengesan dalam talian seperti turmitin.com dan plagiarismchecker.net. Bagi pensyarah yang sudah berpengalaman, mereka boleh mengesan perbuatan itu melalui penulisan pelajar seperti penggunaan bahasa, lengkok penulisan dan penyusunan ayat.

menegaskan aktiviti plagiat yang dilakukan ahli akademik atau graduan boleh merendahkan nilai harga diri dan ilmu.

"Bagi golongan ini, plagiat dilihat sebagai sesuatu yang sangat tidak profesional kerana mereka langsung tida kesedaran menilai harga ilmu itu."

"Pada tahap ini, sepatutnya mereka sedar ilmu yang mahu dituntut itu akan dinilai dan dipandang tinggi masyarakat."

"Jika mereka memplagiat hasil orang lain, di manakah tahap yang perlu kita letakkan nilai kualiti mereka sebagai seorang yang bakal bergelar cendekiawan? "



“Jika mereka memplagiat hasil orang lain, di manakah tahap yang perlu kita letakkan nilai kualiti mereka sebagai seorang yang bakal bergelar cendekiawan? ”

DR ZAID

tahap yang perlu kita letakkan nilai kualiti mereka sebagai seorang yang bakal bergelar cendekiawan?", katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, tidak salah untuk menjadikan karya atau idea orang lain sebagai rujukan, namun menegaskan yang menjadi kesalahan ialah tidak meletakkan sumber rujukan dalam penghasilan tesis, jurnal atau projek.

"Untuk menghasilkan ilmu baru, kita memang perlu membuat rujukan daripada karya atau hasil terdahulu. Ita tak jadi kesalahan."

"Yang salah kerana tidak letakkan dari mana kita memperoleh sumber rujukan itu. Dengan kata lain, mencedok atau menciplak bulat-bulat dan menganggapnya sebagai hasil sendiri."

"Meletakkan sumber rujukan simboliknya untuk memberitahu bahawa kita menggunakan hak orang lain bagi mengembangkan ilmu sedia ada."

"Kita tak boleh menolak bahawa proses percambahan ilmu baru perlu membuat rujukan daripada hasil orang lain," katanya.

mastikannya ia disiapkan dengan sempurna.

"Upahnya mahal tapi saya terpaksa berkobaran bagi memastikan tamat pengajian mengikut tem-poh ditetapkan," katanya.

Ditanya kemungkinan penyalahgunaan atau penilaian mampu mengesan tindakannya, dia berkata terpaksa menghadapi risiko itu.

"Memang risiko itu ada dan saya perlu bersedia andai tertangkap. Sebab itu saya sering berbincang dengan pembuat tesis bagi memastikan saya benar-benar faham dengan tesis dihasilkan. Yang penting perlu ada keberanian," katanya.

niyapkan tugas itu," katanya.

Ditanya adakah tugas dibuatnya akan menimbulkan masalah kepada siswa yang mengupahnya, Ida berkata, dia akan memberi penerangan diperlukan terutama kepada mereka yang perlu menghadiri sesi lisian.

"Saya akan berikan penerangan mengenai tugas itu, tapi turut nasihatkan mereka supaya membacanya dengan lebih mendalam."

"Selalunya siswa ijazah sarjana muda tiada masa-

lah, tapi tidak bagi pasca-siswazah agak sukar sedikit."

"Terpulang kepada mereka mencorakkannya kerana tugas saya cuma menyiapkan tugasan berbentuk penulisan," katanya.

Sementara itu, seorang siswa yang hanya mahu dikenali sebagai Razif yang dihubungi mengakui dia mengupah orang untuk membuat tesisnya.

"Selalunya, saya buat tugas sendiri tapi bagi tugas akhir agak sukar. Saya nekad menggunakan perkhidmatan ini bagi me-